



5. Mewujudkan prosedur ERP

Mewujudkan prosedur ERP dengan menyenaraikan langkah-langkah yang wajar diambil mengikut jenis-jenis kecemasan yang telah dikenal pasti sebelum ini.

6. Mewujudkan prosedur pengiraan pekerja

Mewujudkan prosedur untuk pengiraan pekerja di tempat berkumpul (assembly area).

7. Menyediakan latihan secara teori dan praktikal

Menyediakan latihan secara teori dan praktikal kepada pekerja. Contohnya pekerja boleh dilatih menggunakan alat pemadam api.

8. Memberi latihan kepada pekerja

Memberi latihan kepada pekerja, Fire Fighting Team, Rescue Team, 1st Aider Team tentang ERP dan latihan berkaitan untuk memastikan setiap yang dilantik kompeten melaksanakan tugas masing-masing. Setelah diberi latihan kepada semua ahli pasukan, majikan boleh merancang untuk mengadakan latihan kecemasan untuk memastikan setiap ahli pasukan boleh mengamalkan apa yang dipelajari secara praktikal.

9. Memberi latihan latihan kecemasan

Membuat latihan kecemasan iaitu "mock drill" sekurang-kurangnya setahun sekali. "Mock drill" yang dilakukan boleh juga melibatkan agensi kerajaan seperti BOMBA dan pihak hospital. Penilaian perlu dilakukan setiap kali latihan diadakan. Ini bertujuan untuk memastikan penambahbaikan dapat dilakukan di masa hadapan.



**NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY
AND HEALTH (NIOSH) 243042-U**
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-87692100 | 03-89113800
Fax: 03-89262900

www.niosh.com.my

PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)





PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)

Kecemasan atau bencana adalah kejadian tidak dirancang yang boleh berlaku pada bila-bila masa. Sesuatu insiden kecemasan atau bencana akan merugikan syarikat dari segi harta benda, wang, masa, pekerja dan lain-lain.

Sehubungan itu, adalah penting untuk sesebuah syarikat memastikan perancangan rapi dilakukan untuk menangani sesuatu kecemasan/bencana. ERP yang efektif akan memberi faedah berikut kepada syarikat :-

- berupaya mengawal keadaan kecemasan/bencana.
- mengurangkan kadar kerosakan harta benda.
- mengurangkan jumlah pekerja yang mungkin tercedera/ mengalami kecederaan teruk.

BEBERAPA GARIS PANDUAN ASAS UNTUK MEMBANGUNKAN ERP DI TEMPAT KERJA

1. Kenal Pasti Keadaan


Mengenal pasti keadaan yang diklasifikasikan sebagai kecemasan / bencana hingga memerlukan tindakan segera seperti pengungsian (evacuation) bangunan. Contoh keadaan yang boleh diklasifikasikan sebagai kecemasan/bencana adalah:-

- Kebakaran
- Letupan
- Tumpahan/kebocoran bahan kimia berbahaya
- Banjir
- Ancaman bom
- Gempa bumi
- Terperangkap di dalam lif

2. Kenal Pasti Laluan

Mengenal pasti laluan kecemasan dan laluan alternatif sekiranya berlaku sesuatu kecemasan. Perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan dengan laluan kecemasan adalah:-

- ✓ Pastikan tanda arah laluan kecemasan di tanda dengan jelas. Contohnya dengan meletakkan garisan kuning pada lantai; lampu kecemasan; tanda "emergency exit" di pintu laluan kecemasan dan lain-lain.
- ✓ Laluan kecemasan perlu dilakarkan dan dipamerkan di tempat kerja. Pekerja dan pelawat perlu dimaklumkan berkaitan laluan kecemasan dan tempat berkumpul sekiranya berlaku kecemasan.



Contoh: Pelan Tindakan Kecemasan

- ✓ Memastikan laluan kecemasan yang ditetapkan tidak mendedahkan pekerja/pelawat kepada hazard/bahaya lain di tempat kerja.
- ✓ Memastikan laluan kecemasan ; pintu kecemasan tidak dihalang oleh objek-objek lain.



3. Kenal Pasti Agensi yang perlu dihubungi


Mengenal pasti agensi yang perlu dihubungi sekiranya berlaku kecemasan / bencana.

- ✓ BOMBA
- ✓ Polis
- ✓ Hospital
- ✓ Jabatan Alam Sekitar

4. Mewujudkan struktur organisasi

Mewujudkan struktur organisasi di dalam syarikat yang hanya khusus untuk melaksanakan / mengendalikan ERP di tempat kerja. Di antara ahli-ahli yang perlu diadakan struktur organisasi tersebut adalah :-

- ✓ Emergency Response Team (Fire fighting team & Rescue team);
- ✓ First Aider Team;
- ✓ Emergency Commander;
- ✓ Liaison Officer;
- ✓ HR Officer and etc.



Contoh Struktur Organisasi ERT